

108 mangsa banjir ditempatkan di pusat pemindahan di Pahang

 Tweet 1

[Log In](#)

 8+1  0

KUANTAN: Seramai 108 mangsa banjir membabitkan 27 keluarga ditempatkan di lima pusat pemindahan di daerah ini sehingga jam 8 pagi tadi yang dibuka semula selepas beberapa kawasan dinaiki air akibat hujan berterusan sejak petang semalam.

Lima pusat pemindahan berkenaan adalah Balai Raya Kampung Chendor, Cherating yang menempatkan 19 mangsa, Sekolah Kebangsaan (SK) Cherating yang menempatkan mangsa banjir dari Kampung Bukit Palas (31) dan SK Sg Ular (24 mangsa dari Kampung Darat Jering)

Balai Polis Sungai Lembing (tujuh mangsa dari Kampung Melayu dan Kampung Jelihang) serta Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Pandan (27 mangsa dari Kampung Chendering dan Taman Bukit Rangan).

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuantan menerusi akaun Facebooknya itu turut menyatakan jalan di simpang Kampung Kempadang Makmur yang dinaiki air setinggi 0.45 meter ditutup untuk kenderaan ringan.

DuaLogam Merlimau - Emas 

Emas 916 Cantik Menawan Penghantaran
Seluruh Negara

● ○



"Turut ditutup bagi semua jenis kenderaan adalah di Kilometer (KM) 34 Jalan Gambang (di hadapan Gambang Resort)," katanya.